

UNSUR GHARAR DALAM E- WALLET MENGIKUT PERSPEKTIF SYARIAH

Amira Annisa Zakaria^a, Amira Natasha Zakaria^b, Dahlia Awatif Syaril Azuan^c, Yumni Nabilah Kamaruzaman^d, Nazurah Ghazali^e, Norajila Che Man^{f*}

^aFakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Melaka, Email: 2023165347@student.uitm.edu

^bFakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Melaka, Email: 2023500213@student.uitm.edu

^cFakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Melaka, Email: 2023374847@student.uitm.edu

^dFakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Melaka, Email: 2023375175@student.uitm.edu

^eFakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Melaka, Email: 2023500073@student.uitm.edu

^{f*}Center for Islamic Philanthropy and Social Finance, UiTM Melaka, Email: norajila@uitm.edu.my

*Corresponding Author

Article info

Received:
24/02/2025
Received In Revised
Form:
13/03/2025
Accepted:
14/03/2025
Available Online:
20/03/2025

Keywords:
Gharar;
E-wallet;
Transaksi;
Patuh Syariah;
e-Dagang

DOI:
[10.24191/JIPSF/v7n120](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v7n120)
[25_85-93](#)

Abstrak

Dompot elektronik semakin popular di Malaysia kerana kemudahan dan keselamatannya, namun kebimbangan timbul mengenai ketidakjelasan transaksi yang melibatkan dana, ganjaran, dan caj tersembunyi. Berdasarkan prinsip syariah, gharar dilarang kerana boleh menimbulkan ketidakadilan dan kerugian. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur ketidakpastian (gharar) dalam penggunaan dompet elektronik (e-wallet) berdasarkan perspektif syariah. Pendekatan kualitatif digunakan melalui analisis kandungan Al-Quran, Hadis, dan pendapat ulama, serta penulisan jurnal ilmiah berkaitan isu ini. Fokus kajian ini adalah untuk menunjukkan unsur gharar wujud dalam transaksi e-wallet melalui ketidakpastian baki, tawaran ganjaran seperti cashback yang bersyarat, serta isu teknikal dalam penyerahan dana. Selain itu, penggunaan e-wallet juga terdedah kepada unsur ketidakpastian dalam sifat barangan serta insentif ganjaran. Hasil kajian menunjukkan bahawa elemen gharar yang tidak diurus dengan baik boleh merosakkan akad dan menjejaskan keyakinan pengguna. Oleh itu, penyedia e-wallet perlu memastikan setiap maklumat jelas dan mematuhi prinsip syariah bagi mengekalkan kepercayaan pengguna Muslim.

GHARAR IN *E-WALLET* TRANSACTIONS: A SHARIAH PERSPECTIVE

Abstract

E-wallets are becoming increasingly popular in Malaysia due to their convenience and security, but concerns have arisen about unclear transactions involving funds, rewards, and hidden charges. According to Shariah principles, gharar is prohibited as it can lead to unfairness and harm. This study aims to analyze the element of uncertainty (gharar) in the use of electronic wallets (e-wallets) from a Shariah perspective. A qualitative approach was used, involving content analysis of the Quran, Hadith, scholarly opinions and academic journal writings on this issue. The study focuses on showing that gharar exists in e-wallet transactions through uncertainties in balance credits, conditional rewards like cashback, and technical issues in fund transfers. Additionally, e-wallet usage is exposed to uncertainties regarding the nature of goods and reward incentives. The findings reveal that poorly managed gharar elements can invalidate contracts and reduce user confidence. Therefore, e-wallet providers must ensure all information is clear and complies with Shariah principles to maintain the trust of Muslim users

Keywords: Gharar, E-wallet, Transaction, Syariah Compliance, E-Commerce

PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan pendigitalan, inovasi dalam teknologi kewangan atau lebih dikenali sebagai “*fintech*” terus berkembang maju di Malaysia. Salah satu kemajuan yang mendapat perhatian dan sambutan di kalangan rakyat Malaysia adalah dompet elektronik (*e-wallet*). Penggunaan *e-wallet* seperti Touch n’ Go, ShopeePay, dan Lazada Wallet di Malaysia semakin popular kerana kemudahan dan keselamatannya (Shahid, et al., 2022). *E-wallet* berfungsi sebagai medium untuk menyimpan nilai wang secara elektronik dan digunakan dalam transaksi pembayaran untuk pelbagai barangan dan perkhidmatan. Dari sudut pandangan syariah, penggunaan *e-wallet* tidak menjadi isu selagi transaksi yang dijalankan mematuhi prinsip-prinsip Islam, seperti memastikan barangan yang dibeli adalah halal dan tidak melibatkan aktiviti haram bersamanya. (Shahid, et al., 2022) Namun, kebimbangan muncul mengenai potensi unsur gharar dalam operasi dan kontrak yang berkaitan *e-wallet*.

Istilah *gharar* yang berasal daripada bahasa Arab bermaksud “ketidakpastian” atau “keraguan” dan sering dikaitkan dengan transaksi yang tidak jelas atau bersifat spekulatif. Rasulullah SAW melarang unsur gharar dalam jual beli sebagaimana sabda baginda:

“Nabi SAW melarang jual beli gharar”

(Hadis Riwayat Muslim, No 1513)

Dalam konteks *e-wallet*, unsur gharar mungkin timbul apabila terdapat ketidakpastian dalam transaksi seperti dana yang tidak jelas statusnya, isu teknikal yang menyebabkan kelewatan pembayaran, atau kontrak yang tidak memberikan maklumat lengkap kepada pengguna. Menurut Imam Syafi’e dalam kitabnya Al-Umm, *gharar* berlaku apabila terdapat ketidakpastian terhadap kewujudan atau penyerahan barang yang menjadi subjek kontrak. Contohnya, menjual ikan yang masih berada di dalam laut atau barang yang belum wujud sepenuhnya seperti anak kambing yang masih di dalam perut ibunya. Beliau menekankan bahawa gharar dilarang kerana ia boleh menyebabkan ketidakadilan dan pertikaian antara pihak-pihak yang berkontrak atau yang terlibat dalam urusan jual beli tersebut.

Pengharaman elemen gharar dalam transaksi jual beli sangat ditekankan oleh Islam. Pengharaman gharar berfungsi sebagai langkah pencegahan terhadap risiko penipuan dan kerugian yang mungkin menindas mana-mana pihak dalam sesebuah transaksi (Ahmad Hidayat Buang, 2000). Ketidaktentuan ini mencakupi beberapa aspek seperti ketidakjelasan dalam urusan jual beli, jumlah yang dipersetujui atau syarat-syarat jual beli yang tidak dinyatakan dengan jelas semasa jual beli dijalankan. Menurut Siddiq Muhammad al-Amin al-Darir, (1997) gharar boleh dikategorikan kepada tiga bentuk utama iaitu:

- a. Ketidaktentuan terhadap kewujudan barang seperti menjual sesuatu yang belum dapat dipastikan keberadaannya.
- b. Ketidaktentuan terhadap sifat barang seperti menjual barang tanpa pengetahuan lengkap mengenai ciri-cirinya.
- c. Ketidaktentuan terhadap penyerahan barang seperti menjual barang yang tidak dapat dipastikan boleh diserahkan kepada pembeli.

E-wallet beroperasi melalui kontrak antara pengguna dan penyedia perkhidmatan yang sering berasaskan kontrak *wakalah* (agen) atau *wadi'ah* (simpanan amanah). Akad *wakalah* dan *wadi'ah* dianggap sah dari perspektif syariah kerana ia dibina atas dasar kepercayaan dan ihsan. Namun, unsur gharar mungkin timbul dalam situasi tertentu seperti (Shahid, et al., 2022):

- a. Ketidakpastian mengenai baki yang tidak dikreditkan dengan segera.
- b. Caj tersembunyi yang tidak dinyatakan dengan jelas kepada pengguna.
- c. Tawaran ganjaran atau pulangan wang (cashback) yang bersyarat dan tidak dijelaskan secara terperinci.

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM) memutuskan bahawa *e-wallet* dibenarkan selagi ia mematuhi prinsip syariah. Fatwa ini sejajar dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang menyatakan bahawa transaksi kewangan melalui medium elektronik haruslah bebas daripada unsur gharar, riba dan penipuan dengan bertujuan agar tiada mana-mana pihak akan tertindas. Dalam konteks ini, penggunaan *e-wallet* juga dibenarkan sekiranya akadnya jelas dan tidak mengandungi unsur ketidakpastian yang melampau. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

"Barang siapa yang menipu maka dia bukan dari golongan kami"

(Hadis Riwayat Muslim, No.102)

Hadis ini menekankan bahawa kejujuran adalah asas utama dalam urusan perniagaan, termasuk dalam transaksi digital seperti *e-wallet*. Sebarang elemen penipuan atau ketidakpastian yang sengaja atau disembunyikan boleh dianggap sebagai gharar yang merosakkan kesahihan kontrak. Hadis ini selari dengan firman Allah SWT bermaksud:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah....."

(Al-Baqarah, Ayat 188)

Berdasarkan maksud ayat di atas, dapat difahami bahawa, sebarang bentuk penipuan, termasuk ketidakpastian yang boleh menyebabkan kerugian kepada pihak lain adalah dilarang dalam Islam. Penegasan ini juga disokong oleh prinsip maqasid syariah yang bertujuan melindungi harta dan hak pengguna daripada eksploitasi atau ketidakadilan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan untuk menilai kewujudan unsur gharar dalam penggunaan *e-wallet* berdasarkan perspektif syariah dan mencadangkan langkah-langkah bagi memastikan operasi *e-wallet* mematuhi prinsip-prinsip Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi menganalisis unsur gharar dalam penggunaan *e-wallet*. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai konsep gharar dalam transaksi kewangan digital serta bagaimana pengguna, institusi kewangan, dan pakar syariah memahami serta menilai implikasi gharar dalam penggunaan *e-wallet*.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif bagi mengenal pasti unsur gharar yang wujud dalam penggunaan *e-wallet*. Reka bentuk ini membolehkan penyelidik meneroka fenomena gharar dalam *e-wallet* dengan lebih mendalam melalui sumber primer dan sekunder. Reka bentuk deskriptif digunakan untuk

menerangkan bagaimana unsur gharar boleh muncul dalam transaksi *e-wallet* serta kesannya terhadap kepatuhan syariah dan keyakinan pengguna Muslim dalam menggunakan sistem pembayaran digital.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan pendekatan kualitatif yang menekankan pemahaman subjektif terhadap fenomena gharar berdasarkan pengalaman dan pandangan individu yang terlibat dalam industri kewangan Islam, pengguna *e-wallet*, serta pakar syariah. Melalui pendekatan ini, penyelidik dapat memahami bagaimana gharar ditafsirkan dalam konteks transaksi digital serta bagaimana ia memberi kesan kepada amalan pengguna dan peraturan yang digubal oleh pihak berkuasa kewangan dan syariah.

Kajian ini juga akan meneroka mekanisme operasi *e-wallet*, termasuk cara transaksi dijalankan, terma dan syarat yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan *e-wallet*, serta potensi risiko yang boleh menyebabkan ketidakpastian (gharar) dalam transaksi. Aspek ini penting kerana transaksi dalam *e-wallet* melibatkan pelbagai faktor seperti yuran tersembunyi, kemungkinan kehilangan dana akibat kelemahan sistem atau peraturan yang tidak jelas, serta kemungkinan penggunaan kredit atau sistem pembayaran tertunda yang boleh menimbulkan unsur gharar.

Melalui gabungan elemen eksploratori dan deskriptif, kajian ini bukan sahaja berusaha mengidentifikasi unsur gharar dalam *e-wallet* tetapi juga menganalisis bagaimana elemen ini boleh dikurangkan atau dihapuskan untuk memastikan kepatuhan kepada prinsip syariah. Selain itu, dapatan daripada kajian ini akan membantu merangka cadangan penambahbaikan dalam pengawalseliaan *e-wallet* agar lebih sejajar

Metode Pengumpulan Data

Bagi memastikan kajian ini mempunyai asas yang kukuh, data dikumpulkan melalui dua sumber utama, iaitu analisis dokumen dan kajian literatur. Kedua-dua kaedah ini digunakan untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang unsur gharar dalam penggunaan *e-wallet*, dengan meneliti teks yang relevan dalam bidang kewangan Islam, syariah, dan teknologi kewangan (*fintech*).

Analisis dokumen merupakan salah satu kaedah utama dalam kajian ini kerana ia membolehkan penyelidik meneliti dan menilai kandungan berkaitan gharar dalam sistem *e-wallet* yang telah didokumenkan oleh pihak berautoriti dan pakar dalam bidang ini. Sumber dokumen yang dikaji terdiri daripada

Al-Quran dan al-Sunnah

Al – Quran yang dipetik dari potongan ayat yang menyatakan penjelasan pengharaman unsur gharar serta Hadis yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW tentang unsur yang dapat membatalkan kontrak perniagaan dalam Islam. Al – Quran dan Hadis merupakan sumber bertulis yang mengandungi hukum-hukum perniagaan supaya dapat memantapkan lagi pegangan akidah umat Islam dalam aktiviti ekonomi mereka. Umat Islam diwajibkan untuk memahami hukum syarak bagi menjaga kesucian agama Islam dalam aktiviti perniagaan sama ada secara fizikal ataupun secara atas talian.

Artikel jurnal dan penulisan ilmiah

Terdapat pelbagai jurnal yang telah diterbitkan membincangkan dan mengulas serta menghuraikan tentang berkaitan transaksi *e-wallet* menurut perspektif Islam. Dalam kajian ini, terdapat pelbagai cabang dan penjelasan yang berkaitan kajian seperti isu serahan melalui perniagaan menggunakan *e-wallet* yang dianalisa perspektif syariah. Kajian ini telah mendapat maklumat- maklumat penting serta perinciannya yang mudah bagi setiap masalah yang timbul dengan penggunaan elemen yang diharamkan dalam Islam berkaitan perniagaan. Analisis kritikal melalui penulisan Ilmiah mengenai konsep gharar dalam kewangan Islam dapat ditafsirkan secara langsung daripada pemahaman linguistik dan para ulama. Hal ini demikian, kajian telah mendapati penulisan ilmiah yang telah mengkaji tentang

pandangan ulama dan para sarjana Islam mengenai kewangan Islam supaya dapat menjelaskan konsep yang tidak stabil dan keliru. Penulis kajian yang lepas hanya membuat analisis dan menghuraikan serta memberikan hujah dalam artikel mereka berkaitan pendapat – pendapat ulama. Tambahan pula, penulis daripada kajian yang lepas membuat ulasan mengenai isu gharar. Kajian seperti ini lebih mendalami pemahaman sesetengah masyarakat yang keliru dan ia membincangkan lebih banyak definisi gharar yang telah mendedahkan tahap perbezaan dan kekeliruan antara ulama.

Metode Analisis Data


Penyelidik akan menggunakan pendekatan analisis kandungan (content analysis) bagi mengenal pasti dan menilai elemen gharar dalam dokumen yang dikaji. Beberapa langkah utama dalam analisis dokumen termasuk:

- Penapisan dokumen: Pemilihan dokumen yang relevan dan mempunyai kaitan langsung dengan unsur gharar dalam transaksi digital.
- Pengekoden kandungan: Mengenal pasti istilah, konsep, atau klausa yang berkaitan dengan gharar, seperti "ketidakpastian transaksi", "kelewatan pembayaran", "caj tersembunyi", dan "ketidakjelasan syarat penggunaan".
- Penganalisisan tema: Mengelompokkan elemen-elemen yang berkaitan ke dalam tema utama seperti gharar dalam terma *e-wallet*, ketidakpastian transaksi, dan perlindungan pengguna dalam sistem *e-wallet*.

Analisis dokumen ini akan membantu dalam mengenal pasti kelemahan dan cabaran dalam sistem *e-wallet* serta memberikan cadangan bagaimana unsur gharar dapat dikurangkan melalui peraturan syariah dan dasar yang lebih telus.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Tidak dinafikan lagi bahawa *e-wallet* telah memudahkan masyarakat untuk membuat pembayaran dengan lebih pantas terutama pada zaman teknologi yang serba canggih. Berikut adalah senarai *e-wallet* yang menjadi kegemaran masyarakat di Malaysia untuk melakukan transaksi secara atas talian.



Rajah 1 : Sumber dari Statista “Malaysia: Leading E-wallet Services”

Berdasarkan statistik di atas, terdapat empat perkara utama yang boleh dirumuskan iaitu:

- Populariti *e-wallet* di Malaysia

Data dalam rajah menunjukkan bahawa Touch ‘n Go eWallet merupakan platform paling dominan dengan hampir 100% penggunaan. Ini berkemungkinan besar disebabkan oleh peranannya dalam

pembayaran tol, pengangkutan awam, dan kemudahan transaksi lain yang menjadikannya pilihan utama pengguna.

b. Saingan Utama – GrabPay dan Boost

GrabPay dan Boost juga mencatatkan kadar penggunaan yang tinggi, masing-masing sebanyak 50% dan 35%. Kedua-dua platform ini mendapat sambutan kerana integrasi mereka dalam pelbagai aplikasi gaya hidup dan promosi menarik yang disediakan untuk pengguna.

c. Kedudukan ShopeePay dan Lazada Wallet

ShopeePay (20%) dan Lazada Wallet (kurang 10%) pula lebih tertumpu kepada transaksi dalam platform e-dagang. Ini menunjukkan bahawa penggunaannya lebih spesifik kepada aktiviti beli-belah dalam talian berbanding dengan *e-wallet* lain yang lebih umum dalam urusan harian.

d. Trend dan Penerimaan Masyarakat

Statistik yang ditunjukkan dalam rajah di atas membuktikan bahawa masyarakat Malaysia semakin menerima penggunaan *e-wallet* sebagai kaedah pembayaran yang lebih pantas dan mudah. Walaupun terdapat beberapa *e-wallet* yang lebih fokus kepada sektor tertentu seperti e-dagang, secara keseluruhannya, penggunaan *e-wallet* berkembang pesat dan menjadi sebahagian daripada gaya hidup moden masyarakat Malaysia.

Kesimpulannya, Touch 'n Go eWallet kekal sebagai pilihan utama rakyat Malaysia, diikuti oleh GrabPay dan Boost yang turut mendapat sambutan baik. ShopeePay dan Lazada Wallet pula memainkan peranan yang signifikan dalam sektor e-dagang. Kebergantungan terhadap *e-wallet* dijangka terus meningkat seiring dengan kemajuan teknologi dan penerimaan digital dalam kalangan pengguna.

Cabaran Mengurangkan Ketidakpastian (Gharar) Dalam Transaksi *E-wallet*.

Dalam konteks penggunaan *e-wallet*, beberapa cabaran utama perlu ditangani bagi memastikan transaksi bebas daripada unsur gharar dan sejajar dengan prinsip Syariah.

a. Ketidakpastian Maklumat Transaksi

Antara salah satu faktor yang mempengaruhi penerimaan *e-wallet* adalah ketidakpastian transaksi yang sering timbul daripada kekurangan maklumat yang jelas mengenai prosedur, terma dan syarat (Prasetya & Shuhidan, 2023). Tanpa disedari sebenarnya ketidakjelasan transaksi *e-wallet* ini boleh menyebabkan pengguna rasa was-was atas keselamatan transaksi yang mereka lakukan, lebih-lebih lagi dari segi privasi dan adanya risiko penipuan. Tahap kesedaran yang rendah terhadap keselamatan dan risiko transaksi dalam talian menimbulkan kerisauan di mana akan menjejaskan niat pengguna untuk menggunakan *e-wallet* (Safar, 2024). Sebagai contoh, pengguna yang kurang faham bagaimana data mereka dijaga berkemungkinan berat hati untuk menyimpan maklumat perbankan mereka dalam aplikasi tersebut.

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya..."

(Al-Baqarah: 282)

Ayat ini menunjukkan kepentingan tentang penjelasan dalam urusan kewangan agar tidak timbul keraguan atau ketidakpastian. Oleh itu, pihak yang menyediakan *e-wallet* ini disarankan untuk memberikan maklumat yang jelas dan mudah difahami tentang keselamatan maklumat privasi pengguna (Safar, 2024). Tambahan pula, mereka juga boleh memberitahu langkah-langkah yang boleh diambil jika berlakunya sebarang penipuan. Dengan adanya ciri keselamatan begitu, ianya dapat meningkatkan keyakinan para pengguna *e-wallet* dan juga meningkatkan penerimaan teknologi *e-wallet* tersebut.

b. Gharar pada Sifat Barangan dan Perkhidmatan

Kewujudan elemen ketidakpastian dalam platform e-dagang boleh mempengaruhi kepercayaan pengguna terutamanya yang melibatkan *e-wallet*. Masalah keaslian barangan yang tidak sama dengan apa yang diiklankan menyebabkan wujudnya unsur ketidakpastian (gharar) yang dilarang oleh agama Islam (Setyowati, 2021). Salah satu contoh ketidakpastian barangan ialah, jual beli cedok dalam siaran langsung di mana-mana platform sosial media. Jual beli cedok-cedok merujuk kepada kaedah jualan di mana pembeli membayar harga tetap untuk sejumlah barang yang diambil menggunakan alat seperti penyedok atau bekas tanpa mengetahui dengan pasti kuantiti atau nilai sebenar barang yang diperoleh. Konsep ini semakin popular dalam perniagaan barangan runcit, jajan, dan produk kosmetik. Jual beli cedok yang popular pada tahun 2022 telah menjadi perbualan orang ramai sehingga menarik perhatian mufti mengenai kaedah jual - beli tersebut. Jual beli cedok adalah diharamkan dalam agama Islam kerana ianya mempunyai unsur ketidakpastian (gharar), perjudian (maisir), dan penafian hak memilih (khiyar) pembeli (Rasid, 2022).

Firman Allah SWT:

“Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba”

(Al-Baqarah:275)

Berdasarkan ayat di atas jelas bahawa transaksi jual beli adalah dibenarkan selagi mana tidak melibatkan elemen yang diharamkan seperti riba, gharar dan maysir. Dalam konteks jual beli cedok, terdapat unsur gharar dari aspek kuantiti dan kualiti barang serta wujudnya unsur penipuan dalam nilai barangan tersebut. Dari perspektif Islam, ketidakpastian yang boleh membawa kepada ketidakadilan dalam transaksi adalah dilarang. Oleh itu, kaedah ini perlu diperbaiki dengan memastikan kuantiti dan harga yang lebih jelas, memberikan hak kepada pembeli untuk memilih, serta mengelakkan sebarang unsur penipuan dalam penyediaan barang. Dengan langkah-langkah ini, jual beli cedok-cedok boleh menjadi lebih selari dengan prinsip muamalat Islam dan mengelakkan unsur gharar yang berlebihan.

c. Unsur gharar dalam Insentif dan Ganjaran.

Isu yang penting untuk difahami dalam transaksi e-dagang ialah elemen gharar dalam insentif dan ganjaran terutama dalam konteks program cashback atau promosi serta kos tersembunyi. Salah satu daya tarikan utama penggunaan *e-wallet* adalah mata ganjaran atau pulangan tunai (cashback) yang dijanjikan kepada pengguna yang menggunakan platform tersebut. Strategi ini bertujuan untuk meningkatkan penggunaan *e-wallet* dalam kalangan pengguna, sekali gus menggalakkan lebih banyak transaksi digital. Insentif ini boleh menimbulkan unsur gharar sekiranya syarat-syarat ganjaran tidak dijelaskan secara telus dan adil kepada pengguna. Insentif seperti cashback boleh membawa kepada unsur gharar sekiranya terdapat unsur ketidakjelasan dalam syarat-syarat penebusan atau kriteria kelayakan (Shamsuddin, 2021). Misalnya, pengguna mungkin digalakkan untuk berbelanja lebih banyak bagi memperoleh ganjaran, namun apabila mereka ingin menebus cashback tersebut, terdapat syarat tambahan yang perlu dipenuhi dan tidak dinyatakan sebelum ini. Situasi ini boleh membawa kepada kekeliruan dan ketidakadilan dalam kalangan pengguna. Dari sudut muamalat Islam, ketidakpastian yang boleh membawa kepada unsur penipuan atau eksploitasi dalam urusan niaga adalah tidak dibenarkan kerana ia boleh mengakibatkan salah satu pihak mengalami kerugian yang tidak dijangkakan.

“Nabi SAW melarang jual beli yang mengandung unsur gharar.”

(Riwayat Muslim, No. 1513)

Gharar berpotensi menyebabkan kerugian atau perselisihan dalam kontrak. Oleh itu, isu kritikal seperti ini memerlukan perhatian bagi memastikan transaksi *e-wallet* mematuhi prinsip-prinsip syarak dan sekali gus dapat mengurangkan risiko ketidakadilan kepada pengguna. Maka, sekiranya penjual mahu menggunakan mata ganjaran atau cashback, mereka hendaklah meletakkan syarat yang tidak melanggar hukum asas dalam akad seperti tiada unsur perjudian (maysir), riba dan kejelasan syarat (Shamsuddin, 2021).

PENUTUP

Kesimpulannya, kajian ini mengetengahkan unsur gharar dalam penggunaan *e-wallet* berdasarkan perspektif syariah. Gharar yang membawa maksud ketidakpastian atau keraguan dalam sesuatu transaksi adalah dilarang dalam Islam kerana ia boleh membawa kepada ketidakadilan. Unsur gharar yang dikenal pasti dalam *e-wallet* termasuk ketidakpastian maklumat transaksi, jenis produk dan ganjaran yang tidak jelas seperti pulangan tunai. Perkara ini boleh menjejaskan kesahihan kontrak dan menjejaskan integriti sistem kewangan Islam. Kajian ini juga mendapati bahawa *e-wallet* berasaskan kontrak wakalah (agensi) atau kontrak wadiah (simpanan amanah) adalah sah daripada perspektif syariah selagi unsur gharar diuruskan dengan betul. Oleh itu, langkah-langkah penambahbaikan perlu diambil untuk memastikan *e-wallet* mematuhi sepenuhnya prinsip syariah.

a. Terma dan Syarat Transaksi yang Jelas

Pencipta *e-wallet* mesti memastikan bahawa semua terma dan syarat setiap transaksi dijelaskan dengan lengkap dan telus kepada pengguna. Ini termasuk maklumat tentang kos tersembunyi, tempoh sah tawaran dan syarat seperti pulangan tunai dan diskaun. Sebagai contoh, terdapat banyak platform yang menawarkan faedah seperti pulangan tunai dalam keadaan tertentu tetapi tidak semua pengguna memahami terma dan syarat dibelakangnya. Ketidakjelasan ini boleh menyebabkan rasa tidak puas hati dan mewujudkan unsur gharar dalam transaksi. Untuk menyelesaikan masalah ini, terma dan syarat perlu dinyatakan dengan jelas semasa promosi seperti “pelanggan perlu berbelanja minimum RM100 untuk mendapatkan pulangan tunai RM10”. Walaupun terdapat kos tambahan seperti kos pemprosesan atau caj penebusan, ia harus dinyatakan sebelum transaksi dilakukan dan bukan selepas transaksi selesai dilakukan. Penyampaian maklumat yang jelas bukan sahaja dapat meningkatkan kepercayaan pengguna terhadap platform *e-wallet* tetapi juga dapat memastikan transaksi mematuhi prinsip undang-undang Islam yang melarang ketidakpastian dalam transaksi.

b. Penambahbaikan Teknologi dan Keselamatan

Aspek keselamatan dalam *e-wallet* memainkan peranan penting untuk mengurangkan ketidakpastian yang mungkin berlaku akibat kelemahan teknologi. Pencipta *e-wallet* perlu melabur dalam teknologi yang lebih canggih seperti pengesahan dua faktor, enkripsi data dan pemantauan masa nyata untuk mengurangkan risiko penipuan dan kehilangan data pengguna. Contohnya, jika transaksi yang mencurigakan berlaku pada akaun pengguna, pengguna perlu diberi notifikasi dengan segera. Selain itu, ciri keselamatan tambahan seperti pengesahan biometrik (cap jari atau pengecaman muka) boleh digunakan untuk memastikan hanya pemilik akaun yang boleh mengakses dana mereka. Langkah ini bukan sahaja memenuhi keperluan pengguna dari segi keselamatan tetapi juga selari dengan maqasid syariah yang mengutamakan perlindungan harta benda. Apabila teknologi yang digunakan stabil dan boleh dipercayai, unsur gharar yang disebabkan oleh kelemahan teknologi dapat diminimumkan dan meningkatkan keyakinan pengguna terhadap transaksi digital.

c. Melaksanakan sistem pemantauan syariah secara berkala

Bagi memastikan *e-wallet* mematuhi prinsip syariah, pembuat *e-wallet* perlu menubuhkan jawatankuasa penasihat syariah dalaman yang terdiri daripada ahli yang pakar dalam kewangan Islam, undang-undang syariah dan teknologi kewangan serta sentiasa memantau operasi platform tersebut. Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam menilai struktur kontrak seperti akad wakalah dan wadiah bagi memastikan ia tidak mengandungi unsur gharar (ketidakpastian), riba (faedah) dan maysir (judi). Mereka juga boleh menjalankan audit syariah secara berkala untuk mengesan dan memperbaiki pelanggaran seperti menangani isu seperti dana yang tidak dikreditkan atau syarat ganjaran yang tidak jelas. Selain itu, jawatankuasa akan memberikan nasihat strategik, mencadangkan inovasi seperti ‘mod syariah’ yang memenuhi keperluan pengguna Islam dan mengeluarkan laporan pematuan syariah untuk meningkatkan ketelusan dan kepercayaan pengguna. Sistem pemantauan ini membolehkan penyedia *e-*

wallet meminimumkan risiko pelanggaran undang-undang Islam, meningkatkan kepercayaan pengguna dan mengukuhkan kedudukan mereka dalam industri kewangan Islam.

RUJUKAN

- Al-Dareer, S. M. (1997). *Al-Gharar in contracts and its effect on contemporary transactions*. Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank. Retrieved from <https://www.iefpedia.com/english/wp-content/uploads/2009/10/Al-Gharar-in-Contracts-and-Its-Effect-on-Contemporary-Transactions-by-Siddiq-Al-Dareer.pdf>
- Buang, A. H. (2000). *Studies in the Islamic law of contracts: The prohibition of gharar*. International Law Book Services.
- Md Akther Uddin. (2015). *M P RA Principles of Islamic Finance: Prohibition of Riba, Gharar and Maysir*. https://mpira.uni-muenchen.de/67711/1/MPRA_paper_67711.pdf
- Pahang, P. R. (2024). *Penggunaan E-wallet Mengikut Perspektif Syarak*. Pahang.gov.my: <https://mufti.pahang.gov.my/fatwa/2022/penggunaan-e-wallet-mengikut-perspektif-syarak>
- Prasetya, M. E., & Shuhidan, S. M. (2023). Security, Risk, and Trust in *E-wallet* Payment Systems: Empirical Evidence from Indonesia. *Management and Accounting Review*, 351.
- Rasid, A. H. (2022). *Irsyad Hukum Siri Ke-705: Hukum Jual Beli Cedok*. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/5352-irsyad-al-fatwa-siri-ke-705-hukum-jual-beli-cedok>
- Safar, D. N. (2024). *e-Dompot: perkhidmatan, ancaman dan keselamatan siber*. <https://malaysiagazette.com/2024/04/22/e-dompot-perkhidmatan-ancaman-dan-keselamatan-siber/>
- Setyowati, R. (2021). Perspektif Hukum Islam Mengenai Praktik Gharar. *Dialogia Iuridica: Jurnal Hukum Bisnis dan Inventasi*, Vol 12, No.2 , 72-76. doi: <https://doi.org/10.28932/di.v12i2.3323>
- Shamsuddin, M. b. (2021). Status Mata Ganjaran Dalam Transaksi Elektronik Dan Hukumnya: Analisis Berdasarkan Takyif Fiqhi. *Journal of Fatwa Management and Research*, 382-383. file:///C:/Users/user/Downloads/423-Article%20Text-1261-1-10-20210919.pdf
- Suhaimi, R. (2020). Konsep Dan Praktis Transaksi E -Dagang Patuh Syariah: Satu Sorotan Kajian . *Journal of Muwafaqat* , Vol.3 No.1, 101 - 105 . <https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal/article/view/24/15>
- Suraiya Osman, Muhammad Hazim Bin Ahmad, & Abdullaah Jalil. (2018). Penggunaan Unsur Islam Dalam Perniagaan: Analisa Dari Perspektif Syariah. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, VOL. 17 (SPECIAL EDITION) MARCH 2019: 39-51. <https://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/download/84/70/188>